

Headline	Dr Raj perjuangankan isu pemerdagangan manusia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	11	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	658 cm ²
Journalist	Fatin Hafizah Mohd Shahar	AdValue	RM 22,682
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,045



Dr Raj perjuangankan isu pemerdagangan manusia

➔ Presiden MKKM anjur pelbagai kempen perkasakan undang-undang tangani jenayah

Oleh **Fatin Hafizah Mohd Shahar**

fatin@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Perjuangan Presiden Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia (MKKM), Datuk Dr Raj Karim membendung isu pemerdagangan manusia tidak pernah padam, sebaliknya ia terus menjadi agenda utama dengan merancang lebih banyak program berkaitan.

Bagi Dr Raj isu pemerdagangan manusia sewajarnya dibanteras secara serius kerana ia boleh mengancam kesejahteraan negara.

Justeru, beliau bergerak aktif mengadakan kempen kesedaran dan seminar termasuk yang terbaru membentangkan kertas kerja bertajuk 'Pemerdagangan Manusia', di Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) bagi kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh ke-11, tahun lalu.

Katanya, seminar itu bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak khususnya pemimpin masyarakat untuk menyediakan strategi konkrit menangani isu pemerdagangan manusia dan menggesa memperkasakan tindakan undang-undang sedia ada.

"Pelbagai usaha dijalankan untuk mengurangkan masalah pemerdagangan manusia di negara ini dan negara jiran. Kita perlu buat semua ini untuk melindungi mangsa dan ahli keluarga daripada dieksploitasi.

"Antaranya usaha wajar dilakukan ialah meningkatkan penguat-

kuasaan dan kawalan dengan negara jiran di kawasan sempadan dan berkongsi maklumat berkaitan," katanya kepada BH.

Teliti masalah

Dr Raj berkata, peranannya sebagai bekas ahli Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM) sejak 2004 hingga 2012 ialah membantu menyediakan maklumat dan menganalisa isu berkaitan hak asasi manusia, wanita dan kanak-kanak.

Katanya, pembabitan dalam pelbagai persidangan termasuk Kon-

vensyen Penghapusan segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen terhadap Hak-Hak Kanak-Kanak (CRC) memudahkannya meneliti jurang dan masalah utama membelunggu kumpulan sasaran itu secara mendalam.

"Pada 2003, masalah pemerdagangan manusia bukan masalah utama diperkatakan di negara ini dan tidak menganggap ia sebagai masalah negara kerana Malaysia hanya dijadikan sebagai pusat transit pekerja.

"Namun, selepas 2009 apabila isu penyeludupan dan pemerdagangan manusia kian ketara, pihak berkuasa tempatan dan antarabangsa mula menunjukkan komitmen tinggi untuk membanteras jenayah ini," katanya.

Kumpul maklumat

Bermula dari situ Dr Raj aktif me-

ngumpul maklumat dan mendedikannya menerusi pembentangan kertas kerja dalam seminar bagi menggesa kerajaan melihat isu ini sebagai masalah negara.

Hasilnya pihak berkuasa menyediakan draf undang-undang isu berkaitan dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) turut menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dan mempunyai Pelan Tindakan Kebangsaan bagi menangani isu berkaitan.

Malaysia juga mempunyai perundangan sedia ada dalam me-

ngangani isu pemerdagangan orang termasuk perhambaan mengikut Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.

"Selepas itu, saya mendapat geran daripada KDN untuk menjalankan kempen kesedaran dalam kalangan masyarakat selama lima tahun, khususnya di kawasan berisiko tinggi seperti persisiran pantai dan sempadan Thailand.

"Kami masuk ke kawasan pedalaman untuk menyampai pendidikan maklumat dan pencegahan bersama agensi kerajaan serta program bina keupayaan bersama badan bukan kerajaan (NGO) lain," katanya.

Dr Raj berkata, beliau bersama NGO memberi fokus isu pemerdagangan manusia yang dibahagikan dalam beberapa kategori termasuk buruh paksaan, seks dan penjualan bayi untuk pelbagai se-

Headline	Dr Raj perjuangankan isu pemerdagangan manusia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	11	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	658 cm ²
Journalist	Fatin Hafizah Mohd Shahar	AdValue	RM 22,682
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,045

bab.

“Pada 2013, seminar pada peringkat Asia Pasifik diadakan membabitkan negara jiran termasuk Filipina, Indonesia, Nepal, Kemboja dan Thailand untuk ber-

tukar pengalaman serta maklumat berkaitan isu pemerdagangan manusia.

“Perjuangan saya tidak terhenti di sini. Saya giat mencari peruntukan untuk meneruskan program

terbabit bagi memastikan isu pemerdagangan wanita dan kanak-kanak dilakukan dengan lebih agresif,” katanya.

Headline	Dr Raj perjuangkan isu pemerdagangan manusia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	11	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	658 cm ²
Journalist	Fatin Hafizah Mohd Shahr	AdValue	RM 22,682
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,045



Headline	Dr Raj perjuangkan isu pemerdagangan manusia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	11	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	658 cm ²
Journalist	Fatin Hafizah Mohd Shahr	AdValue	RM 22,682
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,045



Dr Raj (tengah) pada bengkel HIV dan Dadah bersama Media.

